

21/07/2005

Umno-Mahathir

DR MAHATHIR HANTAR SURAT NYATAKAN TIDAK DAPAT HADIR PERHIMPUNAN

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Bekas Presiden Umno Tun Dr Mahathir Mohamad, yang kali pertama tidak menghadiri perhimpunan agung Umno dalam tempoh 30 tahun, telah menulis surat kepada Setiausaha Agung parti menyatakan beliau tidak dapat hadir kali ini.

Isi kandungan surat Dr Mahathir dibacakan oleh Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad ketika beliau membentangkan laporan setiausaha pada Perhimpunan Agung Umno ke-56 yang bermula di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Surat itu berbunyi: "Yang Berhormat Datuk Seri, oleh kerana saya dan isteri akan berada di luar negara semasa perhimpunan agung, maka saya amat sedih kerana tidak dapat hadir pada mana-mana majlis yang kami telah dijemput. Saya ucapkan selamat bersidang dan salam hormat."

Bekas Perdana Menteri itu yang memimpin Umno selama 22 tahun sebelum mengundur diri pada tahun 2003, sedang bercuti di Argentina dan akan melawat Columbia mulai Jumaat atas undangan kerajaan negara itu.

Dr Mahathir dijangka kembali ke tanah air pada pagi Ahad.

Sementara itu, Radzi turut menyambut baik kehadiran 93 delegasi luar negara yang mewakili 28 parti politik daripada 26 negara.

"Ini merupakan bilangan delegasi asing terbesar dalam sejarah perhimpunan Agung," katanya.

Antara parti luar negara yang hadir pada perhimpunan agung ialah Party of Democratic Action (Bosnia Herzegovina), Cambodian People's Party (Cambodia), Communist Party of China (China), Cuba Communist Party (Cuba), Egyptian Communist Party (Egypt), Indian National Congress (India) dan Partai Demokrat (Indonesia).

Radzi juga turut mengalu-alukan kehadiran 50 wakil daripada 53 Kelab Umno luar negara termasuk dari United Kingdom, Indonesia, Australia, Mesir dan Amerika Syarikat,

Beliau berkata Umno kini mempunyai 3,301,415 anggota di 19,680 cawangan berdaftar.

Pada perhimpunan kali ini, seramai 2,531 anggota hadir.

-- BERNAMA

NBB MKO LAT